



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Emel* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



21 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa  
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan  
Laporan PAC Parlimen Pengurusan Penyenggaraan Kapal/Bot Agensi  
Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di bawah Jabatan Perdana  
Menteri (JPM).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Penyenggaraan Kapal/Bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Jun 2015.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 22 November 2016 dengan memanggil Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) JPM, Tan Sri Othman Mahmood dan Ketua Pengarah APMM, Laksamana Maritim Dato' Sri Ahmad Puzi Ab Kahar bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Prestasi kewangan.
  - ii) Pematuhan kontrak penyenggaraan.

- iii) Latihan penyenggaraan tahap 1.
  - iv) Senggaraan tahunan (AD).
  - v) Kesiapsiagaan aset APMM.
  - vi) *Mothball*.
  - vii) Pelupusan.
  - viii) Rancangan pergerakan dan pelayaran sebenar kapal/bot.
  - ix) Jeti.
  - x) Struktur organisasi APMM.
- 5) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:
- i) Jawatankuasa ini, berpuas hati dengan penjelasan yang telah diberikan APMM kerana agensi ini merupakan sebuah agensi yang baru ditubuhkan dan pastinya akan menghadapi banyak kekangan. Walau bagaimanapun, PAC Parlimen berharap APMM akan menjadi sebuah agensi yang lebih mantap pada masa akan datang.
- 6) Berikut itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) APMM hendaklah membuat perancangan yang lebih teliti bagi memastikan kos-kos penyenggaraan kapal/bot sentiasa diambil kira.
  - ii) Tindakan segera bagi pelupusan aset hendaklah dibuat dengan kadar segera bagi mengelakkan berlakunya peningkatan/pertambahan kos.
  - iii) Kerajaan perlu meningkatkan lagi keupayaan aset laut dan udara APMM bagi membolehkan agensi ini menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Pembelian pesawat baru untuk APMM baru-baru ini, jelas meningkatkan lagi keupayaan APMM.

- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Penyenggaraan kapal/bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia